

LAPORAN LATIHAN KEBAKARAN DI KOLEJ KEDIAMAN SATRIA KASTURI

Tarikh : 10 Jun 2022 (Jumaat)
Masa : 9.00 malam
Tempat : Kolej Kediaman Satria Kasturi

1. PENGENALAN

Latihan kebakaran hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun untuk Kolej kediaman Satria. Latihan kebakaran telah dirancang dan dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama penuh oleh :-

- a. Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Kolej Kediaman Satria Kasturi
- b. Pejabat Keselamatan Pekerjaan & Kelestarian Alam Sekitar (KPKA)
- c. Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- d. Pengurusan Kolej Kediaman Satria (Kasturi), Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEPA).


2. OBJEKTIF

Objektif utama prosedur Latihan Kebakaran dan Pemindahan Kecemasan ini seperti berikut :-


- a. Menyediakan pelan tindak balas kecemasan yang teratur untuk semua penghuni.
- b. Untuk memastikan semua laluan keluar, tangga kecemasan tidak terhalang dan boleh digunakan dengan teratur semasa kecemasan
- c. Untuk memastikan pemindahan penghuni bangunan yang cepat, teratur dan lancar semasa kecemasan
- d. Menilai keberkesanan prosedur pemindahan dan menentukan perubahan atau pelarasan yang perlu kepada prosedur untuk meningkatkan prestasi



Taklimat Pemadam Api oleh Bomba



Menyelamat mangsa kebakaran



Bangunan Satria Kasturi ketiadaan Elektrik semasa membuat latihan penyelamat